

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**SOALAN NO. 403**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil kajian yang diperoleh oleh Pasukan Petugas Dasar-UEC (PPD-UEC) berhubung kait dengan isu pengiktirafan terhadap Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

KPM telah menubuhkan Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) untuk meneliti, mengkaji dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini dijalankan bagi meneliti isu serta mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebelum isu ini dimuktamadkan.

Pasukan petugas ini telah menjalankan libat urus dengan 17 orang tokoh individu dalamn bidang pendidikan, politik dan sosial, 24 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tiga (3) buah parti politik yang terdiri daripada UMNO, MCA, PAS dan lapan (8) agensi kerajaan bagi memastikan pandangan dan cadangan berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai

**NO. SOALAN: 403**

syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat menyeluruh.

Jawatankuasa tersebut kini dalam proses menyediakan laporan akhir untuk diteliti oleh pihak pengurusan tertinggi KPM dan seterusnya akan diangkat kepada Jemaah Menteri untuk keputusan dasar mengenai isu pengiktirafan sijil UEC.

RT49/403